

**B 8072 DEB**  
**MAHATHIR - PERDAGANGAN**

**R R**

**(I)**

**KUALA LUMPUR, 19 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERHARAP +PERANG PERDAGANGAN+ YANG MELIBATKAN NEGARA-NEGARA MAJU TIDAK AKAN MENYEBABKAN SEKATAN-SEKATAN MENYELURUH YANG MENJEJASKAN NEGARA SEDANG MEMBANGUN.**

**SEKATAN PERDAGANGAN ITU TIDAK SEHARUSNYA MEMBEBAKAN NEGARA SEDANG MEMBANGUNAN, KATA BELIAU DALAM UCAPAN DASARNYA PADA PEMBUKAAN SESI KELIMA MAJLIS TINDAKAN BERSAMA DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC) DI SINI HARI INI.**

**MAJLIS ITU IALAH PERTUBUHAN BEBAS ANTARABANGSA YANG MEMBANTU MENGHABILKAN TINDAKAN TERHADAP ISU-ISU YANG MELIBATKAN PEMBANGUNAN DAN KEAMANAN DUNIA.**

**BEKAS PERDANA MENTERI JEPUN TAKEO FUKUDA MENJADI PENERUSI KEHORMAT MAJLIS ITU.**

**SESI TIGA HARI ITU ANJURAN BERSAMA INSTITUT KAJIAN STRATEGI DAN ANTARABANGSA (ISIS) SERTA SEKRETARIAT MAJLIS INTERAKSI DI NEW YORK.**

**DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +NEGARA-NEGARA MAJU HENDAKLAN DIBENARKAN MENGGUNAKAN LAYANAN YANG MEMANFAATKAN NEGARA SEDANG MEMBANGUN JIKA NEGARA SEDANG MEMBANGUN TIDAK DAPAT MENGHASILKANNYA SENDIRI.+ -- LAGI.**

**2020MST 19 04 87**

**D561**

**U 8040 DEB**  
**MAHATHIR - PERDAGANGAN 2 KUALA LUMPUR**

**(I)**

**+YANG PENTING IALAH NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN HARUSLAH MENDAPAT SESETENGAH DARIPADA FAEDAHNYA YANG BOLEH MENYUMBANG KE ARAH PEMBANGUNAN MASING-MASING,+ KATA BELIAU.**

**DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SETIAP NEGARA SUDAH TENTULAH MAHU MEMPEROLEH PULANGAN HASIL TETAPI INI HANYA DAPAT DILAKSANAKAN JIKA TIADA SEKATAN PERDAGANGAN.**

**KATA PERDANA MENTERI, INSENTIF YANG DITAWARKAN OLEH NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN UNTUK EKSPORT BARANGANNYA HANYA BERMAKNA JIKA NEGARA-NEGARA MAJU MEMBUKA PASARAN MEREKA.**

**WALAU BAGAIMANAPUN, BELIAU KESAL AKAN SIKAP NEGARA-NEGARA KAYA DAN MAJU YANG +MENGENEPIKAN SAMA SEKALI KEPENTINGAN NEGARA SEDANG MEMBANGUN+.**

**DATUK SERI DR MAHATHIR LALU MERUJUK KEPADA PERSIDANGAN TUJUH KUASA EKONOMI DUNIA YANG MEMBUAT KEPUTUSAN YANG HANYA MENGUNTUNGAN MEREKA TANPA MENGAMBIL KIRA LANGSUNG KEPENTINGAN NEGARA LAIN DI DUNIA. -- LAGI.**

**1817MST 19 04 87**

D577

U B046 DEB

MAHATHIR - PERDAGANGAN 3 KUALA LUMPUR 9 9 9

(I)

+JUSTRU ITU, UNTUK MEMPERBETULKAN KETIDAKSEIMBANGAN PERDAGANGAN MEREKA; NEGARA-NEGARA BERKENAAN MENILAI SEMULA YEN DAN DEUTSCHEMARK BERTA MENAKSIR NILAI DOLLAR AMERIKA LEBIH RENDAH DARIPADA NILAI SEBENARNYA.

+BAGI MALAYSIA, KEPUTUSAN INI MENYEBABKAN FAEDAH PINJAMAN YEN JEPUN MELONJAK SEBANYAK 70 PERATUS DAN MENGURANGKAN PENDAPATANNYA HASIL EKSPORT PETROLEUM. NEGARA-NEGARA BEDANG MEMBANGUN YANG LAIN JUGA MENGALAMI NABIS YANG SAMA.+

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA AMATLAH PENTING NEGARA-NEGARA KAYA +TIDAK MENGAMBIL DENGAN SEBELAH TANGAN APA YANG TELAH DIBERIKANNYA DENGAN TANGAN YANG SATU LAGI.+

+BANTUAN PEMBANGUNAN TIDAK MEMBERI FAEDAH JIKA PEMBANGUNAN ITU TERBANTUT AKIBAT SEKATAN-SEKATAN PERDAGANGAN YANG DIAMALKAN OLEH NEGARA MAJU,+ KATA BELIAU.

DATUK BERI DR MAHATHIR BERSEDIH KERANA NEGARA-NEGARA DUNIA BELUM MAHU MENERIMA HAKIKAT BAHAWA MEREKA BERGANTUNG ANTARA SATU SAMA LAIN. +SEBETENGAH NEGARA BERPENDAPAT MEREKA BOLEH KAYA SEMASA NEGARA LAIN MENGHADAPI KEMISKINAN.+ -- LAGI.

1845MST 19 04 87

U B052 DEB

MAHATHIR - PERDAGANGAN 4 KUALA LUMPUR

(I)

BELIAU BERKATA SEBENARNYA JIKA NEGARA MISKIN ITU MENJADI KAYA, NEGARA YANG KAYA ITU PULA LAGI BERTAMBAH KAYA KERANA APABILA NEGARA MISKIN ITU MEMPUNYAI LEBIH BANYAK WANG, MEREKA AKAN MEMBELI LEBIH BANYAK BARANGAN DARIPADA NEGARA KAYA.

DATUK BERI DR MAHATHIR JUGA MENYEBUT TENTANG PELBAGAI MASALAH DAN KRISIS YANG DIHADAPI OLEH DUNIA SEHINGGA MENIMBULKAN KETEGANGAN DAN ANCAMAN DI KALANGAN NEGARA MAJU.

BELIAU BERKATA KRISIS ITU ANTARANYA IALAH KETIDAKSEIMBANGAN PERDAGANGAN, KEJATUHAN HARGA KOMODITI, PERLUMBAAN SENJATA, PERANG DI ASIA BARAT BERTA PENYALAHGUNAAN DADAH DI KALANGAN BELIA.

+KITA AKAN MEMASUKI ABAD KE-21 DENGAN KEMEGAHAN MEMANDANGKAN KEJAYAAN OEMI KEJAYAAN YANG DICAPAI OLEH MANUSIA PADA ABAD KE-20,+ KATA DATUK BERI DR MAHATHIR.

AKAN TETAPI, KEJAYAAN SAINS PADA ABAD KE-20 GAGAL MENGURANGKAN ATAU MENYELESAIKAN MASALAH DUNIA TETAPI SEBALIKNYA MENYEBABKAN GOLONGAN MISKIN BERTAMBAH MISKIN. -- LAGI.

1904MST 19 04 87

B B073 DEB

MAHATHIR - PERDAGANGAN 5 KUALA LUMPUR  
MAJLIS)

(I)

DATUK BERI DR MAHATHIR PERCAYA ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS TINDAKAN BERBAMA ITU YANG DISIFATKANNYA SEBAGAI +SUARA HATI DUNIA+ DAPAT MEMBANTU MENGATASI MASALAH-MASALAH ITU MEMANDANGKAN MEREKA BEKAS KETUA KERAJAAN DAN NEGARA.

+WALAUPUN TOKOH-TOKOH ITU BERKEBOLEHAN DAN TERKENAL, MEREKA TIDAK DAPAT MENYELESAIKAN SEMUA MASALAH YANG DIHADAPI OLEH DUNIA SEKARANG,+ KATA BELIAU.

+AKAN TETAPI JIKA MEREKA DAPAT MENIMBULKAN KEBEDARAN DI KALANGAN KUASA-KUASA DUNIA, MAKA MEREKA TELAH DAPAT MEMBERI SUMBANGAN KEPADA DUNIA KHUSUSNYA NEGARA-NEGARA MISKIN.+ -- BERNAMA.

2021MST 19 04 87